

Sumbangan Ibnu Majid Dalam Kepimpinan Pelayaran Laut

Ibnu Majid's Contribution in Leadership of Navigation

Asma' Wardah Binti Surtahman¹, Dr. Abdullah Bin Yusof²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
17 OGOS 2020	25 OGOS 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Ibnu Majid adalah seorang tokoh pelayar muslim terkenal di perairan Lautan Hindi pada abad ke-15M. Nama beliau ialah Ahmad bin Majid bin Muhammad 'Amr bin Fadl bin Duwaik bin Yusuf bin Hasan bin Husin bin Abi Ma'laq al-Sa'adi bin Abi al-Rakayib al-Najdi dan berasal dari Julfar (kini Ra's al-Khaimah, Emiriah Arab Bersatu). Sumbangan Ibnu Majid terhadap dunia pelayaran telah mendapat banyak perhatian ilmiah daripada para sarjana seperti Ibrahim Khuri (1991), Hasan Saleh Shihab (2001), G.R.Tibbetts (1971), Anwar 'Abd al-'Alim (1967) dan al-'Aidrus (1991). Majoriti sarjana tersebut mengkaji sumbangan beliau terhadap pelayaran dengan menfokuskan kepada ilmu falak dan laluan pelayaran. Namun begitu, sumbangan Ibnu Majid dalam adab dan kepimpinan masih belum dibahas sepenuhnya oleh pengkaji sebelumnya. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan Ibnu Majid dalam kepimpinan pelayaran berdasarkan catatan beliau. Karya-karya Ibnu Majid yang dirujuk dalam kajian ini ialah Kitab Al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id, Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar, Urjuzah al-Sufaliyyah, Urjuzah al-Sab'iyah, Urjuzah al-Mu'arribah dan Urjuzah al-Ma'laqiyyah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan teknik dokumentasi dalam pengumpulan data, analisis kandungan konvensional dalam menganalisis data dan metode hermeneutik dalam pentafsiran teks. Hasil kajian ini menunjukkan sumbangan Ibnu Majid dalam pelayaran sebagai pelayar ulung Islam abad ke-15M dan nakhoda terpimpin yang menggariskan peraturan penting terutama disiplin bagi sesebuah pelayaran di lautan.

Kata Kunci: *Ibnu Majid, kepimpinan, disiplin, pelayaran.*

ABSTRACT

Ibnu Majid was a well-known Muslim navigator in the Indian Ocean during the 15th century AD. His name was Ahmad bin Majid bin Muhammad 'Amr bin Fadl bin Duwaik bin Yusuf bin Hasan bin Husin bin Abi Ma'laq al-Sa'adi bin Abi al-Rakayib al-Najdi and was originally from Julfar (now known as Ra's al-Khaimah, United Arab Emirates). Ibnu Majid's contributions to the world of navigation has received a lot of attention from scholars such as Ibrahim Khuri (1991), Hasan Saleh Shihab (2001), G.R.Tibbetts (1971), Anwar 'Abd al-'Alim (1967), G.R.Tibbetts (1971) and al-'Aidrus (1991). Majority of these scholars studied his contributions to navigation focusing on the aspects of astronomy and sailing routes. However, Ibnu Majid's contributions on practicing good manners and leadership in navigation were less researched and studies on these contributions in particular were quite scarce. So, the purpose of this study was to analyse the contributions of Ibnu Majid to navigation's leadership through his works. The works of Ibnu Majid that were referred to in this study are Kitab Al-Fawa'id fi Usul 'Ilm

¹ Asma' Wardah Binti Surtahman, Calon Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, asmawardah@siswa.um.edu.my.

² Dr. Abdullah Bin Yusof, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, abdy@um.edu.my.

Al-Bahr wa al-Qawa'id, Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar, Urjuzah al-Sufaliyyah, Urjuzah al-Sab'iyah, Urjuzah al-Mu'arribah and Urjuzah al-Ma'laqiyyah. This study is a qualitative study that uses documentation techniques for data collection along with conventional content analysis for content analysis and hermeneutic method for text interpretation. Meanwhile, data were analysed inductively through content analysis approach. The results of this study show that the contributions of Ibnu Majid to navigation especially as a distinguished pilot with muslim's value proved that Ibnu Majid was a great Islamic navigators of the 15th century AD and outlined the important rules especially discipline for a voyage on the ocean.

Keywords: *Ibnu Majid, leadership, discipline, navigation*

Pengenalan

Nama penuh beliau ialah al-Shaikh Shihab al-Din Ahmad bin Majid bin Muhammad 'Amr (*Kitab al-Fawa'id*, 2004: 3) bin Fadl bin Duwaik bin Yusuf bin Hasan bin Husin bin Abi Ma'laq al-Sa'adi bin Abi al-Rakayib al-Najdi. Beliau dilahirkan pada tahun 1432M dan dibesarkan di pelabuhan Julfar (Ra's al-Khaimah) (Ibrahim Khuri: 21) dan meninggal pada 1507M. Ibnu Majid berketurunan keluarga pelayar yang berpegang kepada sumber laut. Belayar adalah sesuai dengan kehidupan masyarakat di persisiran Laut Arab dengan melakukan pelbagai siri permusafiran merentasi lautan. Kaum lelaki digelar *usud al-bahr* dan terdapat di kalangannya nakhoda yang mahir dalam selok belok laluan laut. Datuk Ibnu Majid merupakan seorang pelayar yang berpengalaman luas dalam pelayaran di Laut Merah. Manakala, ayah Ibnu Majid adalah seorang ketua pelayar yang digelar *Mu'allim al-Barrayn*; ketua pelayar bagi dua daratan, iaitu daratan Arab dan daratan 'Ajam (bukan Arab) (Anwar 'Abd al-'Alim, 1967: 13) atau disebut juga sebagai *rabbān al-barrain*; dua persisiran iaitu Arab dan Afrika, satu gelaran yang diberi oleh pelaut Laut Merah ke atas Majid (Ibrahim Khuri, 2004: 9). Ayah Ibnu Majid dirujuk sebagai jurumudi dua perairan iaitu perairan Arab dan Sudan di Lautan Merah, "*the pilot of the two coasts, the Arabian and Sudanese sides of the Red Sea.*"

Ibnu Majid merupakan Bapa Pelayaran abad ke-15M/9H dan banyak memberikan sumbangan dalam bidang pelayaran bukan sahaja ilmu-ilmu yang dibukukan berdasarkan pengalamannya malahan beliau turut membantu para pelaut dan pelayar lain dalam mengemudikan kapal mereka untuk ke sesebuah tempat. Penulisan teragung Ibnu Majid ialah *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id*, merupakan sebuah buku yang menerangkan tentang persediaan sebelum pelayaran, peralatan pelayaran dan kedudukan bintang. Buku ini sesuai sebagai rujukan ilmiah dalam bidang geografi, astronomi dan matematik. Selain itu, buku ini juga membincangkan perkara-perkara di darat yang mesti diketahui oleh para nakhoda sebelum mengemudi kapal mereka (Anwar Abd al-'Alim, 1967:24).

Berikut ini disenaraikan antara karya-karya yang dihasilkan oleh Ibnu Majid:

1. *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id* (selepas ini akan ditulis sebagai *Kitab al-Fawa'id*) (Faedah-faedah Tentang Prinsip Ilmu Laut dan Kaedah-kaedahnya).
2. *Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar* (selepas ini akan ditulis sebagai *Hawiyah*) (Tesaurus Ringkas Prinsip Ilmu Maritim).
3. *Urjuzah al-Mu'arribah* (Syair Arab).
4. *Urjuzah al-Sufaliyyah* (Syair Sofala)
5. *Urjuzah Qiblat al-Islam fi Jami' al-Dunya* (Syair Kiblat Islam di Seluruh Dunia)

6. *Urjuzah Birr al-‘Arab fi Khalij Faris* (Syair Tentang Petunjuk Pelayaran di Pesisir Arab Sehingga ke Teluk Parsi).
7. *Urjuzah Mukhammasah* (Syair Lima).
8. *Daribah al-Daraib* (Tataletak Bintang).
9. *Al-Zahabiyah* (Syair Emas)
10. *Al-Urjuzah al-Hadiah fi ‘Ilm al-Bahr* (Syair Tentang Petunjuk Dalam Ilmu Laut).
11. *Qasidah fi ‘Ilm al-Bahr* (Syair Tentang Ilmu Laut).

Kajian Literatur

Sejarah tokoh pelayaran Islam kurang mendapat perhatian daripada para sarjana. Saranan terhadap kajian ketokohan pelayar Islam khususnya Ibnu Majid telah dikemukakan oleh Marina Tolmacheva (1994: 262). Tambahnya lagi, karya-karya Ibnu Majid belum sepenuhnya dihargai disebabkan oleh kekangan bahasa dan kesusahan menginterpretasikan maklumat daripada teks lama. Oleh yang demikian, sumbangan Ibnu Majid dalam pelayaran masih belum menyeluruh.

Namun begitu, terdapat tiga karya Ibnu Majid yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Perancis (Gabriel Ferrand, 1923), Rusia (Theodor Shmovsky, 1957) dan Inggeris (G.R. Tibbetts, 1971) iaitu *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id* (bahasa Perancis dan Inggeris), kitab *Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar* (bahasa Inggeris), *al-Sufaliyyah* (bahasa Inggeris dan Rusia), *al-Ma'laqiyyah* (bahasa Rusia) dan *al-Ta'iyah* (bahasa Rusia). Walaupun Ibnu Majid banyak menghasilkan karya-karya penulisan, masih banyak lagi karya-karya beliau yang belum dikaji oleh para sarjana. Bahkan, sebahagian besar daripada karangan beliau hilang atau tercicir dan tidak ditemui sehingga hari ini (Ibrahim Khuri, 1991).

Walaupun begitu, terdapat salinan daripada beberapa manuskrip karya Ibnu Majid di Perpustakaan Paris di Perancis dan Leningrad di Rusia. Salah satunya adalah kitab *al-Sufaliyyah*. Namun demikian, terdapat perbezaan yang ketara dalam teks *al-Sufaliyyah* yang disimpan di Leningrad, Rusia dengan manuskrip yang disimpan di Zahiriyah. Ini kerana manuskrip di Leningrad mempunyai sebanyak 807 bait syair berbanding di Zahiriyah yang mempunyai 701 bait syair. Malah, Shumovsky (1969) merupakan sarjana terawal yang mengenengahkan teks *al-Sufaliyyah* versi Leningrad dengan menterjemahkan manuskrip tersebut ke dalam bahasa Rusia. Tambahan sebanyak 106 bait syair tersebut mempengaruhi pandangan sejumlah besar sarjana seperti Marina Tolmacheva (1994), George Fadlo Hourani (1963) dan A. Prasad (1982) terhadap Ibnu Majid. Ia melibatkan kredibiliti, kepimpinan dan akhlak Ibnu Majid tercemar dengan isu mabuk dalam menunjuki laluan pelayaran India kepada Vasco da Gama (Anwar A. Aleem, 1973: 265). Dakwaan Shumovsky ini dikukuhkan atas alasan Ibnu Majid merupakan pelayar yang mahir di sekitar Lautan Hindi.

Ketokohan Ibnu Majid turut mendapat perhatian daripada beberapa sarjana seperti, Hasan Saleh Shihab (2001), Alfred Clark (1993), Ibrahim Khuri (1991) dan Muhammad Hasan Al-‘Aidrus (1991). Namun kebanyakan perbincangan mereka lebih menekankan ketokohan Ibnu Majid sebagai ahli falak. Kajian mereka terhad dengan menfokuskan *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id* pada bab 3 dan 4 berkenaan falak dan bacaan ukuran berkaitan arah perjalanan. Walau demikian, isu berkenaan kepimpinan mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji lepas yang melangkaui aspek pelayaran. Isu kepimpinan dalam organisasi (Azman bin Mat Hassan, 2012) memerlukan kompetensi tertentu bagi memimpin dengan berkesan (Roselena Mansor dan Mohd Izham, 2015). Justeru, gaya kepimpinan

transformatif dan transaksional (Suhailie Yaacob, 2019) dan kemahiran kepimpinan (Ahmad Esa, et.al, 2014) meletakkan nilai dan kualiti kepimpinan sebagai penentu keberhasilan sesuatu organisasi dan pengurusan. Ini bertepatan dengan peraturan yang dikemukakan oleh Ibnu Majid kepada para nakhoda yang menyerlahkan kepimpinan beliau bagi memastikan pelayaran yang selamat bagi seluruh anak kapal.

Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang menggunakan metode analisis kandungan menggunakan kaedah hermeneutik dan filologi. Dalam pengumpulan data, penyelidik menggunakan dokumen dan kajian perpustakaan. Sementara itu, pendekatan induktif dan deduktif dalam analisis data turut digunakan dalam penyelidikan ini. Pendekatan hermeneutik dan filologi digunakan oleh penyelidik dalam memahami dan mentafsirkan teks karya Ibnu Majid. Manakala, strategi kajian yang digunakan adalah kajian biografi. Menurut Othman Lebar (2018: 101), terdapat lima bentuk penyelidikan kualitatif yang sering digunakan iaitu etnografi, *grounded-theory*, fenomenologi, biografi dan kajian kes. Penyelidik memperolehi maklumat berkenaan Ibnu Majid khususnya melalui rujukan daripada karya-karya beliau. Di samping itu, penyelidik menggunakan analisis kandungan bagi kajian ini. Ini kerana, analisis kandungan merupakan salah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk menganalisis sebarang jenis teks (Othman Lebar, 2018: 168). Sehubungan dengan itu, dalam mendefinisikan analisis kandungan, Franklin (2013) menyatakan bahawa, “*content analysis has come to be identified with research that renders written, and in some cases visual material as countable-measure-content. This is understood to mean the words, phrases and images that compromise manifest contents what is visible to the seeing/reading eye; there is a message and that message is decipherable in a number of ways.*”

1. Pengumpulan Data

Dalam penyelidikan kualitatif, salah satu teknik pengumpulan data ialah menerusi data yang diperoleh melalui dokumen awam seperti surat khabar, hasil catatan minit mesyuarat dan laporan rasmi serta dokumen peribadi seperti catatan peribadi, surat, email (Mohd Awang Idris, et.al, 2018: 79) dan bahan-bahan arkib (Othman Lebar, 2018: 148). Berikutan kajian ini berdasarkan analisis kandungan, maka, dokumen yang menjadi rujukan utama adalah berbentuk manuskrip (mahupun salinan manuskrip/penjilidan). Salinan manuskrip ini diperolehi daripada perpustakaan dan arkib di Malaysia dan di Dubai. Di Malaysia, penyelidik menemukan sebuah buku sahaja yang telah disalin semula daripada manuskrip iaitu buku *Urjuzah Qiblat al-Islam fi Jami' al-Dunya* yang diperolehi daripada perpustakaan di Universiti Islam Antarabangsa. Manakala, manuskrip bagi karya-karya yang lain, penyelidik menemukannya di Jumaa al-Majid Centre di Dubai. Berikut (Jadual 1.1) adalah perolehan penyelidik terhadap manuskrip dan salinan manuskrip bagi karya-karya Ibnu Majid:

Jadual 1: Pemerolehan Karya Ibnu Majid

Bil	Kitab	Manuskrip/ Salinan semula	Tahun	Penjilid/ Penterjemah/ Lokasi
1	<i>Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id</i>	Salinan semula manuskrip (versi <i>al-Tajiriyyah</i>)	2001	Ibrahim Khuri/ Jumaa al-Majid Centre


2	<i>Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id</i> (Terdapat 16 karya yang lain)	Manuskrip asal No. 2292 (versi Parsi)	1923	Gabriel Ferrand (Penjilid)/ Perpustakaan Universiti Malaya
3	<i>Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id</i>	Manuskrip asal No. 3114 (versi <i>al-Zahiriyyah</i>)	Tanpa tarikh	Jumaa al-Majid Centre
4	<i>Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar</i>	Salinan semula manuskrip dan terjemahan bahasa Inggeris	1983	Ibrahim Khuri/ Jumaa al-Majid Centre
5	<i>al-Nuniyyah al-Kubra ma'a Sit Qasa'id Ukhra</i>	Salinan semula manuskrip	1993	Hasan Saleh Shihab (Penjilid)/ Perpustakaan Utama Univ. Islam Antarabangsa
6	<i>As-Sufaliyya: "The Poem of Sofala"</i>	Salinan semula manuskrip dan terjemahan bahasa Inggeris	1983	Ibrahim Khuri/ Jumaa al-Majid Centre
7	<i>al-Sufaliyyah, al-Ma'laqiyyah dan al-Ta'iyah</i>	Salinan semula manuskrip	1969	Muhammad Munir Marsa/ Jumaa al-Majid Centre
8	<i>al-Sufaliyyah, al-Ma'laqiyyah dan al-Ta'iyah</i>	Manuskrip asal	Tanpa tarikh	Jumaa al-Majid Centre
9	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Urjuzah Nadirah al-Abdal</i> b. <i>Daribah al-Daraib</i> c. <i>Urjuzah Kanz al-Ma'alimah</i> d. <i>Urjuzah Qiblat al-Islam fi Jami' al-Dunya</i> e. <i>Tuhfah al-Qudah</i> f. <i>Qasidah Mukhammasah</i> g. <i>Qismah al-Jummah 'Ala Anjam Banat Na'sh</i> h. <i>Qasidah fi Qismah Azwam al-Jummah 'Ala Sayr Nujum</i> i. <i>Urjuzah fi 'Iddah Asyhur al-Rumiyyah</i> j. <i>Manzumah fi Taqwim al-Sanah al-Rumiyyah</i> k. <i>Manzumah Mimiyyah al-Abdal</i> 	Salinan semula manuskrip	Tanpa tarikh	Ibrahim Khuri Jumaa al-Majid Centre

2. Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik kajian kualitatif dengan mengadaptasi reka bentuk kajian data dokumen dan analisis kandungan dokumen. Sebagai penyelidikan kualitatif, pendekatan induktif adalah pendekatan utama dalam menganalisis data. Menurut Franklin (2013: 233),

“Induction refers to the process of reasoning from specific observation to general principle of theory.” Analisis induktif juga merujuk kepada pendekatan yang mengutamakan pembacaan data asli untuk memperoleh konsep, tema atau model melalui interpretasi yang dibuat daripada data asli yang dinilai oleh penyelidik. Rajah 1 menunjukkan proses induktif bagi analisis data bagi penyelidikan ini:

Rajah 1: Proses Induktif Dalam Analisis Data



A. Pengumpulan data, persediaan dan pengeksplorasian data.

Penyelidikan ini mengumpulkan data daripada dokumen dan kajian perpustakaan. Kompilasi data dikumpulkan diikuti dengan proses penyediaan data dan eksplorasi data. Dalam penyediaan data, dokumen-dokumen dan sumber sekunder dikumpulkan dan disusun. Pengeksplorasian data melibatkan proses kesahihan dan pemahaman data melalui pembacaan, pendengaran, kajian semula dan penggunaan memo (Hesse-Bieber, et.al, 2011: 314). Dalam konteks penyelidikan ini, bahan-bahan mentah/ primer seperti teks-teks karya-karya Ibnu Majid dikaji, disoroti dan dianalisis. Ekspolorasi data juga diaplikasikan untuk sumber sekunder seperti buku, jurnal, majalah, kertas pembentangan dan sebagainya. Manakala, dalam pentafsiran teks terutama teks arab, penyelidik menggunakan metode Hermeneutik dan Filologi.

Hermeneutik merupakan satu teori dalam proses tafsiran. Hermeneutik digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk meneliti bagaimana manusia membentuk tafsiran mengenai kehidupan mereka yang berkaitan dengan pengalaman hidup mereka (Pranee Liamputtong, 2014: 566). Hermeneutik adalah sebuah terminologi yang merujuk kepada teori yang berperanan untuk memahami dan menafsir teks yang pada awalnya diaplikasikan dalam usaha memahami dan menafsirkan Bible. Hermeneutik kemudiannya diperluaskan kepada penafsiran teks secara umum dan tidak hanya terhad kepada teks keagamaan semata-mata (Edward Quinn, 1999:46). Filologi disebut sebagai kajian teks kerana kajian yang dilakukan itu dalam rangka mengungkapkan hasil budaya yang tersimpan di dalamnya. Sasaran kajian filologi adalah karya tulisan masa lampau seperti yang ada pada kertas, kulit kayu dan kulit binatang. Daripada pengertian tersebut dapat disimpulkan bahawa filologi merupakan suatu disiplin bagi kajian teks yang memberikan maklumat tentang budaya dan pengetahuan pada masa lampau. Filologi dimaksudkan sebagai suatu kajian tentang naskah lama yang berkait keasliannya, bentuk yang asal, kandungan, bahasa dan kebudayaannya (Edward Quinn, 1999:46).

B. Interpretasi dan Dapatan

Dalam penyelidikan ini, dapatan kajian merangkumi tema dan kandungan penulisan karya bagi memperlihatkan sumbangan Ibnu Majid dalam pelayaran. Oleh yang demikian, dapatan diperolehi melalui struktur penulisan Ibnu Majid yang umumnya mengandungi elemen kesusasteraan dan pelayaran. Namun begitu, selepas proses analisis ini dibuat secara terperinci, ia menunjukkan bahawa kedua-dua elemen ini membawa kepada ilmu falak dan ukuran, laluan pelayaran, tanda fizikal dan kependudukan, peralatan, kepimpinan dan adab/akhlak.

Secara kesimpulannya, pendekatan induktif dalam menganalisa data melibatkan beberapa tahap dalam menganalisa data primer dan sekunder serta menfokuskan kepada kandungan terhadap kepelbagaian dokumen, manuskrip, buku dan jurnal. Analisis ini memanfaestasikan penulisan yang membawa kepada hasil dapatan kajian.

Sumbangan Ibnu Majid Dalam Kepimpinan Pelayaran Laut

Kepimpinan merupakan penentu kepada hala tuju sesebuah organisasi. Bagi melaksanakan tugas kepimpinan secara efektif, pemimpin perlu mempunyai kemahiran dan keperibadian yang berkualiti di samping pengetahuan dalam bidangnya (Roselena & Mohd Izham, 2015: 143). Dalam bahagian ini, penyelidik menggabungkan tema akhlak di dalam tema adab yang lebih luas rangkumannya. Manakala, kepimpinan tidak dapat dipisahkan dengan adab kerana kepimpinan adalah menjadi contoh kepada rakyat dan naungan.

Merujuk kepada Ibnu Majid, beliau merupakan nakhoda kapal dan pemimpin kepada anak-anak kapal dan penumpang yang lain. Maka, segala adab yang dicatatkan oleh Ibnu Majid telah dilaksanakan dan menjadi peringatan kepada nakhoda yang lain. Semua yang terlibat dalam pelayaran perlu bekerjasama dalam menjaga adab-adab permusafiran, lebih-lebih lagi nakhoda (*pilot*) kapal supaya dapat menjadi contoh kepada anak kapal. *Al-Fawa'id* bab kedua menyatakan tentang sifat/akhlak yang perlu ada pada nakhoda seperti penyabar, lembut, saksama, konsisten dan sentiasa taat kepada Allah. Begitu juga dalam bait-bait syair yang terkandung dalam karya-karya Ibnu Majid yang memerihalkan berkenaan adab dan kepimpinan yang perlu diteladani oleh pelayar lain yang kemudiannya akan dijelaskan pada bab kelima.

Ibnu Majid menitikberatkan adab dalam pelayaran. Nakhoda merupakan orang yang berkuasa untuk mengawal pelayaran supaya sentiasa berada dalam keadaan harmoni dan teratur. Segalanya akan berjalan baik jika nakhoda sendiri merupakan orang berakhlak mulia serta taat dan takut kepada Allah. Nakhoda hendaklah sentiasa menjaga jiwa dan jasad agar sentiasa bersih.

Ibnu Majid Sebagai Pemimpin Pelayaran

Ibnu Majid berkali-kali diperingatkan supaya mematuhi arahannya sebagaimana kata-kata Ibnu Majid iaitu; “ikut nasihat ku,” “ambillah pengalamanku,” “jangan takut (beranikan diri)” dan “jangan tidur”. Begitu juga sikap tegas beliau supaya panduan dan arahan-arahan ini dipatuhi dengan pelbagai kata-kata seperti “ikut arahan saya,” “terima pandangan saya,” “ambillah manfaat ini,” “ukur dan dengarlah” dan “akur dengan arahan ini.” Manakala gesaan supaya nasihatnya diikuti terdapat pada kata-katanya yang dicatat dalam kitab *Hawiyah*, bab tujuh pada bait ke-88, 95 dan 98 iaitu “ambil maklumat saya,” “dengarkannya,” “jangan didebatkan,” “ambil arahanku” dan “tanpa diragukan”.

Menjaga Displin

Seterusnya menjadi budaya nakhoda untuk bertindak secara wajar, betul, tepat, tegas dan cepat bagi memastikan semuanya dalam keadaan yang terurus dan memenuhi peraturan supaya dengan itu pelayaran dapat berjalan dengan lancar. *Al- Fawa'id* bab kedua dan kelapan dan kitab *Hawiyah* pada bab pertama ada menyatakan beberapa ketetapan yang berkait dengan perkara di atas, seperti :

- i. Tempoh bertindak. Bertindak cepat apabila kecelaruan berlaku di dalam kapal. Jangan menanguhkan tindakan kerana akan lebih banyak memudaratkan. Ini dinyatakan dalam *al- Fawa'id* bab kelapan :

ولا تر خللا في السفينة وتهمله الى وقت آخر (إلا) عند ضرورة أشد مما أنت فيه.

Maksud:

Jangan melihat kecelaruan dalam kapal dan dibiarkan sehingga berlalu ke masa kemudian, kecuali jika ianya tidak dapat ditangani.

- ii. Masa rehat. Tidak memaksa diri untuk terus mengendalikan kapal dalam keadaan diri sangat-sangat letih, kerana keletihan boleh menjadikan seseorang itu tidak sedar apa yang ia lakukan. Dalam keadaan seperti ini nakhoda perlu berehat seketika. *Al- Fawa'id* bab kelapan turut menjelaskan :

Apabila kamu penat (letih), jangan biarkan sehingga ia pulih, kerana ia menyebabkan kamu lupa”

- iii. Masa tidur. Ibnu Majid meletakkan bahawa tidur hanya pada masanya dan tidak berlebihan dalam had masa tidur yang sepatutnya. Jika nakhoda melebihi masa tidur, maka ia akan mengganggu kelancaran perjalanan, kerana nakhodalah satu-satunya orang yang paling pakar mengemudi kapal berbanding dengan anak-anak kapal yang lain. Jika tidur, maka nakhoda perlu menyerahkan urusan mengemudi kapal kepada beberapa jurumudi. Tidak harus meninggalkan jurumudi seseorang tanpa berteman. *Al- Fawa'id* bab kelapan menyatakan:

...jangan tidur kecuali jumlah (jam) yang diperlukan sesuai dengan umur tua kamu atau sekadar menghilangkan keletihan dan jika kamu tidur jangan pula tingalkan jurumudi seseorang.

- iv. Muatan kapal. Sesebuah kapal mempunyai had-had muatan tertentu yang dibenarkan. Ini kerana, kapal yang terlebih muatan akan menghadapi risiko karam di tengah lautan apabila dilambung ombak. Muatan kapal ini termasuklah penumpang dan barang-barang yang dibawa. Nakhoda hendaklan memastikan bilangan penumpang dan muatan barang yang dibawa. Perkara ini dijelaskan dalam *al- Fawa'id* bab kedua dan *al- Sab'iyah*, pada bait ketujuh iaitu :

... ولا يشحنها إلا العادة ...

Maksud:

Dia tidak harus memuatkan kapal dengan barang melebihi muatan yang biasa...

- v. Jadual pelayaran. Nakhoda dikehendaki melazimkan diri untuk mengikuti jadual pelayaran yang sewajarnya, tidak secara tergesa-gesa dan mengikut gerak hatinya semata. Terdapat waktu yang sesuai dan ada yang kurang atau tidak sesuai langsung untuk

belayar. Sesuatu pelayaran yang berjaya adalah apabila mengikut jadualnya. Ini kerana, jadual pelayaran dibuat berdasarkan cuaca, angin dan keadaan laut. Kelewatan daripada jadual tersebut akan mengganggu kelancaran bagi perjalanan-perjalanan ke destinasi-destinasi yang lain. Begitu juga mempercepatkan perjalanan daripada jadual yang sepatutnya, bukan sahaja akan memudaratkan, tetapi juga tidak tentu untuk sampai ke tempat yang dituju lebih awal.

Dalam *Hawiyah* bab pertama, (bait ke-38 dan 39 dan bait ke-46 dan bait ke- 47) Ibnu Majid menyatakan masa yang sesuai untuk pelayaran :

ومغلق الزاخر والمفتاح	38 وينبغي معرفة الأرياح
مدة تسعين من الأيام	39 فغلقه يمكث ربع عام
في الأربعانية قبل التيرما	46 وينبغي الحاذق أن لا يعزما
يصد فيها الرجل الصنديد	47 لأنها طوفانها شديد

Maksud :

38. Kamu perlu tahu berkenaan angin,
Waktu terbuka (untuk pelayaran) dan tertutupnya laut.
39. Laut tertutup pada suku tahun terakhir,
Atau pada tempoh 90 hari.
46. Nakhoda yang bijak tidak akan belayar,
Pada masa 40 hari sebelum al-Tir.
47. Kerana adanya hujan lebat,
Yang akan memberhentikan kapal

Dalam *al-Fawa'id* bab kelapan turut dinyatakan mengenai jadual pelayaran ini, seperti katanya :

Pilih musim yang betul, jangan sesekali memuat kapal dengan muatan lebih...

- vi. Majlis perbincangan. Ibnu Majid berpesan kepada nakhoda, pelayar dan penuntut ilmu laut untuk sentiasa memenuhi majlis perbincangan berkenaan pelayaran. Ini sebagaimana dinyatakan di dalam *Hawiyah al-Ikhtisar* , dalam bahagian pertama pada bait ke-12 iaitu:

وبعد ذا أوصيك بالثبات	في محفل فيه ذوي افات
-----------------------	----------------------

Maksud:

*Aku wasiatkan kepada engkau dengan sesuatu ketetapan
Agar mengadakan majlis perbincangan bagi mengatasi kesilapan.*

Ia turut dinyatakan dalam *al-Sufaliyyah* pada bab pertama, bait ke-202 iaitu:

إعمل بتدبيرك والمشاورة	لعاقل معاود ذي مخبره
------------------------	----------------------

Maksud:

*Perbuatlah dengan urusanmu dan bermesyuarat,
Untuk yang berakal yang berpengalaman.*

Selain itu, pelayar hendaklah berhati-hati dan sentiasa berwaspada terutama jika belayar pada waktu malam (*al-Mu'arribah*, bait 70); (*al-Ma'laqiyyah*, bait 163), ketika angin

kencang (*al-Mu'arribah*, bait 136) dan pergerakan air laut (*al-Ma'laqiyyah*, bait 139). Akhirnya Ibnu Majid menegaskan bahawa segala ketidaksempurnaan dalam menguatkuasakan peraturan akan dipertanggung jawab dan dikembalikan kelemahan dan kekurangan itu sepenuhnya kepada nakhoda. Beliau menegaskan bahawa akibat buruk jika tidak mengikut peraturan pelayaran di laut (*al-Sab'iyah*, bait 277) dan tiada pihak lain yang wajar dipersalahkan. *Al-Fawa'id*, bab kelapan ada menyatakan berkenaan hal ini:

*Jika kamu tidak dapat memenuhi mana-mana (etika ini),
maka kamu kena persalahkan diri kamu sendiri*

Oleh itu untuk berjaya, perlu ada tolak ansur, kerjasama dan kesepakatan antara pihak pengemudi (pemimpin) dengan penumpang (pengikut). Nakhoda hendaklah mempunyai ciri kepimpinan agar arahnya diikuti. Begitu juga, jika seseorang itu sudah menaiki kapal, maka mereka perlu mentaati dan mengikuti peraturan pelayaran yang telah ditetapkan. Ini ditegaskan oleh Ibnu Majid dalam *al-Fawa'id*, bab kelapan sebagaimana katanya:

*Jangan naiki kapal tanpa mentaati (arahan-arahan), dan jangan ambil
tanggungjawab kepimpinan kecuali kamu ditaati*

Nakhoda Terpimpin

Nakhoda hendaklah seorang yang bermaklumat dan berpengalaman. Dengan pengalaman tersebut ia memberi manfaat dan jasa kepada orang lain. Berkait dengan ini, Ibnu Majid dalam *al-Fawa'id* telah membahagikan nakhoda kapal kepada tiga kategori iaitu:³

- i. Nakhoda kapal yang sedikit pengalaman
Nakhoda kategori ini hanya berperanan membawa pergi kapal dan pulang kembali. Terkadang pelayarannya selamat dan ada juga yang tidak selamat. Ini adalah selemah-lemah tahap bagi seorang nakhoda kapal.
- ii. Nakhoda yang mahir pada tempat yang pernah dilewatinya.
Nakhoda ini dikenali di kalangan masyarakat. Ia begitu mahir pada tempat yang pernah dilaluinya. Walau bagaimanapun, kemasyhuran nakhoda seperti ini terhenti setelah kematiannya.
- iii. Nakhoda yang berpengalaman dan tidak takut pada permasalahan laut.
Kategori ketiga ialah nakhoda yang luas pengalamannya dalam pelayaran. Nakhoda ini menulis pengalamannya dalam penulisan agar dimanfaatkan oleh orang selepasnya.

Dalam memberi panduan dan peraturan pelayaran, Ibnu Majid amat tegas dalam menyatakan nasihat yang perlu diikuti. Ini bagi mengelakkan kemusnahan kapal dan jiwa bagi nakhoda, anak kapal dan penumpang. Sifat kepimpinan beliau yang tegas menyatakan pendirian dan arahan berdasarkan pengalamannya itu terserlah dalam catatannya, ia dapat dikategorikan sebagai berikut (Jadual 2):

³ Ahmad bin Majid, *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id wa al-Fusul*, tahkik Ibrahim Khuri (Ra's al-Khaimah: Markaz al-Dirasat wa al-Watha'iq, 2001), 17.

Jadual 2: Contoh Frasa Kepimpinan Ibnu Majid

Bil.	Ayat	Karya	Bait (rangkap)
			خذ ...
	(ambil...)		
1	خذ وصاتي / خذ وصية (ambil wasiatku)	al-Sab'iyah	6
		al-Ma'laqiyyah	72,156
		al-Sufaliyyah	27,167
2	خذ الإفادة (ambil faedah)	al-Sab'iyah	7
3	فخذ عني (ambil dariku)	al-Sab'iyah	27
5	فخذ قياساتي (maka ambil ukuranku)	al-Sab'iyah	152
6	فخذ كلمتي (maka ambil perkataanku)	al-Sab'iyah	263
7	خذ مقالي / مقالا (ambil tulisanku)	al-Sab'iyah	285
		al-Ma'laqiyyah	113, 176
		al-Sufaliyyah	198
8	خذها على الكمال والأوصاف (ambil ia atas kesempurnaan dan keterangan)	al-Mu'arribah	4
9	خذ ذا من الشهاب لك نصايحا (ambil nasihat ini dari shihab)	al-Sab'iyah	287
10	خذ كلامي / خذ بقولي (ambil percakapanku)	al-Mu'arribah	58
		al-Sufaliyyah	40
11	خذ أوصائي / خذ صفاتي / فاتخذ من وصفي (ambil keteranganku)	al-Mu'arribah	100, 158
		al-Sufaliyyah	164,168,1 97,281
12	خذ مني (ambil dariku)	al-Ma'laqiyyah	62
13	اتخذ نبانا (ambil perkhabaranku)	al-Mu'arribah	118
14	فخذ ذا واتبعه (ambil ia dan ikutinya)	al-Mu'arribah	123
15	خذ من خبري (ambil dari pengalamanku)	al-Ma'laqiyyah	227

... افهم			
(Fahamkan/ fahamilah ...)			
16	افهم نظمي (fahamkan syairku)	<i>al-Mu'arribah</i>	61
17	فافهم ياخي (maka fahamkan wahai saudaraku)	<i>al-Mu'arribah</i>	64
18	افهمن علموي (fahamkan ilmu-ilmuku)	<i>al-Mu'arribah</i>	66
19	افهمن كلامي (fahamkan percakapanku)	<i>al-Mu'arribah</i>	120
20	افهمن مقالي (fahamkan catatanku)	<i>al-Ma'laqiyyah</i>	162
21	افهمن الفايده (fahamkan faedah ini)	<i>al-Ma'laqiyyah</i>	198
... استمع / اسمع			
(Dengarkan...)			
22	اسمع كلامي واستفد من وصفي (dengarkan percakapanku dan ambil faedah daripada keteranganku)	<i>al-Ma'laqiyyah</i>	20
23	استمع أنبائي (dengarkan berita perkhabaranku)	<i>al-Mu'arribah</i>	96
24	فاستمع منافعني (maka dengarkan manfaat-manfaatku)	<i>al-Sab'iyah</i>	280
25	اسمع مقالا (dengarkan catatan)	<i>al-Sufaliyyah</i>	50

Selain itu, Ibnu Majid ada menyatakan berkenaan syair yang dicatatnya adalah berdasarkan pengetahuannya dan meminta agar pelayar mengambil faedah (*al-Sab'iyah*, bait 124-125) terhadap syairnya tanpa ragu (*al-Ma'laqiyyah*, bait 171) serta tiada yang dapat menulisnya melainkan dirinya (*al-Sab'iyah*, bait 292) dan turut menggesa pelayar lain menghafaz syair-syairnya serta mematuhi kandungannya (*al-Sufaliyyah*, bait 234). Beliau menggesa agar mengikuti keterangan dalam catatan bagi menemukan laluan dan jalan (*al-Sufaliyyah*, bait 125). Ini kerana beliau mencatatkan berdasarkan pengalamannya sendiri (*al-Mu'arribah*, bait 121; *al-Ma'laqiyyah*, bait 227) dan beliau mengatakan bahawa ukuran perjalanan yang salah yang dilakukan pelayar lain hanya diketahui oleh pelayar yang berpengalaman dan berpengetahuan (*al-Sufaliyyah*, bait 80). Oleh yang demikian, Ibnu Majid banyak menggunakan perkataan dan ayat arahan agar pelayar (mahupun pembaca) dapat cakna akan maksud catatannya. Penggunaan perkataan “ambillah”, “fahamkan”, “dengarkan akan nasihatku, tulisanku dan percakapanku” sering digunakan dalam karya-karya beliau.

Ibnu Majid mengingatkan bahawa tugas seorang nakhoda untuk memeriksa penumpang kapal. Dalam kitab *al-Fawa'id*, bab kelapan, Ibnu Majid mencatatkan nasihat

kepada nakhoda terhadap layanan kepada penumpang seperti berikut:

وتفقد جميع الركاب والعسكر, وتأمل في جميع الأشياء لتكون عالما بما عند الشدة. واعمل وافعل خلاصك. واسمع جميع أقوالهم, وخذ مליحها, واترك قبيحها. وكن حازما قويا في كلامك وأقوالك وأفعلك, لئِن الطبيعة ولا تصحب من لا يطيعك في ما يعينك, فلا تجد في الشدائد والمصائب شريكا. وأما في الأشرار, فتجد كثيرا على صاحب الدرك. وكن شجاعا حازما ذا بأس, قليل الغفلة, كثير الهمة, كثير الصبر والاحتمال في كل الأشياء, تقيا نقيا, لا تظلم أحدا لأحد.

Maksud:

Lakukan pemeriksaan ke atas semua penumpang dan krew kapal, dan lakukan penilaian pada segenap perkara supaya kamu mengetahui yang dalam kesusahan. Dan lakukanlah demi keselamatan. Dengarlah dengan baik percakapan mereka dan ambillah perkara yang baik dan meninggalkan yang buruk. Jadilah seorang yang kuat dan jitu dalam perkataan dan perbuatan kamu namun menyenangkan. Dan jangan bersahabat dengan mereka yang tidak memberi ketaatan kepada kamu, maka kamu tidak akan menemui rakan ketika berlaku kesulitan dan musibah. Nakhoda akan banyak menghadapi kesusahan. Jadilah orang yang berani, kurangkan kecuaiian, bersemangat, banyakkkan bersabar dan bertanggungjawab dalam setiap perkara, bertaqwa, suci dan tidak menzalimi seseorang untuk orang lain.

Berdasarkan teks di atas, Ibnu Majid meletakkan nilai bagi nakhoda untuk mengambil peduli berkenaan hal penumpang dan berinteraksi secara baik dengan mereka. Di samping itu, beliau mengingatkan agar nakhoda sentiasa bermotivasi, bersabar dan bertanggungjawab terhadap urusan pelayaran.

Kesimpulan

Ibnu Majid menggariskan panduan pelayaran dan arahan semasa melakukan pelayaran. Beliau merupakan satu-satunya pelayar yang mencatatkan secara terperinci berkenaan panduan secara tegas berserta adab pelayaran. Kajian ini belum lagi didedahkan secara terperinci oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Kajian ini mendapati bahawa Ibnu Majid sebagai pemimpin pelayaran menegaskan aspek disiplin dan kepimpinan dalam pelayaran. Aspek disiplin mempunyai enam rincian iaitu (i) tempoh bertindak, (ii) masa rehat, (iii) masa tidur, (iv) muatan kapal, (v) jadual pelayaran dan (vi) majlis perbincangan. Manakala, aspek kepimpinan pelayaran mempunyai tiga item rincian iaitu (i) nakhoda yang sedikit pengalaman, (ii) nakhoda yang mahir pada tempat yang pernah dilewatinya dan (iii) nakhoda yang berpengalaman luas dan tidak gentar pada lautan. Dalam menulis catatan pelayaran, Ibnu Majid turut memberi nasihat dan desakan kepada pelayar agar membaca dan menjadikannya catatan-catatannya sebagai panduan supaya selamat sampai ke sesuatu destinasi. Ibnu Majid layak digelar sebagai nakhoda berkepimpinan. Beliau menggesa agar penumpang kapal mahupun pelayar-pelayar mengikuti setiap arahannya agar sesebuah pelayaran tersebut berjaya. Ketokohan beliau dalam kepimpinan menjadikan karya-karyanya dirujuk dan digunakan oleh pelayar selepasnya. Oleh yang demikian, ketegasan dan disiplin yang digariskan oleh Ibnu Majid merupakan ciri penting yang perlu dicontohi bukan sahaja oleh nakhoda kapal laut pada hari ini, bahkan juga meluas

kepada ketua pengangkutan awam di laut dan darat seperti kapal terbang dan kereta api.

Bibliografi

- Ahmad b. Majid. 1993. *al-Nuniyyah al-Kubra ma'a Sit Qasaid Ukhra*, tahkik Hasan Saleh Shihab. Oman: Wizarah al-Turath al-Qaumi wa al-Thaqafah.
- Ahmad bin Esa et.al. 2014. Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC).
- Ahmad bin Majid. 2001. *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id wa al-Fusul*, tahkik Ibrahim Khuri. Ra's al-Khaimah: Markaz al-Dirasat wa al-Watha'iq.
- Anwar A. Aleem. 1973. History of Arab Navigation in The Indian Ocean. *The Marine Biological Association of India (MBAI) Special Publication Vol 2*.
- Anwar Abd al-'Alim. 1967. *Ibn Majid al-Mallah*. Iskandariah: Dar al-Katib al-'Arabi.
- Azman Mat Hassan. 2012. Persepsi Gaya Kepimpinan Terhadap Kepuasan Kerja. *Jurnal Penyelidikan Islam Vol 25*.
- Ferrand, Gabriel. 1921-1923. *Instructions Nautiques et Routiers Arabes et Portugais, Tome I: Ibn Majid (Texte Arabe:2292)*. Paris: Librairie Orientaliste Paul Geuthner.
- Franklin, M.I. 2013. *Understanding Research: Coping With the Quantitative-Qualitative Divide*. London, England: Routledge.
- Hasan Saleh Shihab. 1982. *Fann al-Milahah 'Inda al-'Arab*. Beirut: Dar al-'Audah.
- Hesse-Bieber, Sharlene Nagy dan Patricia Leavy. 2011. *The Practice of Qualitative Research*, ed ke-2. Los Angeles, California: Sage Publication.
- Hourani, George F. 1963. *Arab Seafaring In The Indian Ocean In Ancient And Early Medieval Times*. Beirut: Khayats.
- Ibrahim Khuri. 1991. Ahmad bin Majid Munazzir al-Milahah fi Bahr al-Hind fi al-Qarn al-Tasi' al-Hijri / al-Khamis 'Asyar al-Miladi. Dalam *al-Nadwah al-'Ilmiyyah li Ihya' Turath Ibn Majid*. Ittihad Kitab wa Adibba' al-Imarat dan Damsyik: Dar al-Hiwar li al-Nasyr wa Tawzi'.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad dan R. Zirwatul Aida R. Ibrahim. 2018. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Hasan Al-'Aidrus. 1991. Ibn Majid al-Mallah al-Falaki. Dalam *al-Nadwah al-'Ilmiyyah li Ihya' Turath Ibn Majid*. Ittihad Kitab wa Adibba' al-Imarat dan Damsyik: Dar al-Hiwar li al-Nasyr wa Tawzi'.

- Othman Lebar. 2018. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Prasad, A. 1982. Discovery of The Sea-Route to India. *India Quarterly: A Journal of International Affairs* Vol 38, No. 3-4.
- Roselena Mansor dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2015. Kepimpinan Berkualiti: Perspektif Mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan* Vol 45.
- Shumovsky, Theodor. 1969. *Thalath Azhar fi Ma'rifah al-Bihar*, terj. Dr. Muhammad Munir Marsa. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Suhailie binti Yaacob. 2019. Pengaruh Gaya Kepimpinan Ke Atas Prestasi Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 6 No 1.
- Tibbetts, G.R. 1971. *Arab Navigation In The Indian Ocean Before The Coming of The Portuguese: Kitab al-Fawaid fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id*. London: The Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland.
- Tolmacheva, Marina. 1994. An Unknown Manuscript of the Kitab al-Fawa'id. *Journal of the American Oriental Society* Vol 114, No 2.